

1. PENDAHULUAN

Dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2011 – 2015), RISDA telah diberi tanggungjawab yang lebih mencabar oleh kerajaan demi untuk membangun masyarakat pekebun kecil di luar bandar dari segi kedudukan sosio-ekonomi mereka. Lantaran itu RISDA telah menetapkan objektifnya agar pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM 2,500.00 sebulan sekeluarga pada penghujung RMK 10 dan RM 4,000.00 pada tahun 2020.

Untuk mencapai objektif ini, RISDA dikehendaki menjalankan pelbagai usaha lain selain daripada program utamanya menanam semula demi untuk memastikan pekebun kecil memperoleh pendapatan yang dihasratkan itu. Salah satu daripada tugas dan tanggungjawab RISDA ialah merancang dan menggalakkan pekebun kecil menjalankan pelbagai program keusahawanan yang mempunyai potensi pasaran demi untuk menambah punca pendapatan mereka.

2. PENGENALAN RISDA SMALLHOLDERS MART (RisSMart)

Dalam usaha memantapkan pemasaran hasil-hasil usahawan Pekebun Kecil, satu outlet pemasaran atau premis perniagaan yang dinamakan RISDA Smallholders Mart atau nama singkatannya RisSMart. RisSMart merupakan nama komersial kepada program RISDA Smallholders Mart.

Pengujudan RisSMart bertujuan bagi menyediakan kemudahan premis perniagaan dilokasi strategik, sesuai dengan trend dan keperluan semasa bagi mempromosikan produk usahawan bimbingan RISDA. Jangkaan impak adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan Pekebun kecil kepada RM4,000 sebulan sekeluarga.

3. OBJEKTIF UTAMA

- 3.1 Menyediakan kemudahan premis perniagaan kepada usahawan pekebun kecil RISDA
- 3.2 Mempromosikan produk usahawan pekebun kecil RISDA dan meluaskan jaringan perniagaan
- 3.3 Meningkatkan pendapatan usahawan Pekebun Kecil RISDA

4. KONSEP

- 4.1 RISDA akan menyediakan premis perniagaan bagi sekurang-kurangnya 2 orang usahawan bimbingan RISDA (RisSMart 2 pintu) dan 4 orang (RisSMart 4pintu) 'di bawah satu bumbung' yang dikenali sebagai RISDA Smallholders Mart (RisSMart) dan memberi faedah kepada usahawan-usahawan lain di sekitarnya.
- 4.2 RisSMart merupakan bangunan yang dibina,disewa atau dibeli di atas tanah milikan RISDA atau bukan milik RISDA atau sebarang bentuk bangunan yang boleh digunakan sebagai premis perniagaan contohnya kabin dan menggunakan logo dan papantanda RisSMart yang seragam seperti dalam **Lampiran 1**
- 4.3 Mempunyai perjanjian antara RISDA dan Usahawan seperti **Lampiran 2** dijadikan sebagai contoh dan apa-apa pindaan dari segi terma dan syarat hendaklah mendapat kelulusan Pengarah Program.
- 4.4 Modal dan pengurusan perniagaan adalah di bawah tanggungjawab usahawan dan produk yang dijual merupakan produk sendiri dan produk usahawan bimbingan RISDA yang lain.

5. KELAYAKAN PEMOHON

- 5.1 Pemohon mestilah seorang usahawan bimbingan RISDA yang memiliki status warganegara Malaysia
- 5.2 Berumur antara 18 hingga 65 tahun
- 5.3 Mempunyai minat, keupayaan serta kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi serta mempunyai sikap ingin maju.
- 5.4 Bersedia dan sanggup untuk menghadiri sebarang jenis latihan atau kursus samada teknikal / kemahiran / kemantapan diri (sikap) yang ditentukan oleh RISDA sebelum dan semasa melaksanakan projek.

6. TEMPOH KONTRAK PENGOPERASIAN

- 6.1 Usahawan akan diberikan 3 bulan tempoh percubaan memulakan perniagaan di RisSMart tanpa dikenakan caj sewaan. **Jawatankuasa Penilai** seterusnya akan membuat penilaian prestasi perniagaan sebelum dipersetujui untuk diberikan kontrak setahun berniaga dengan melibatkan pemeteraian perjanjian RisSMart dengan dikenakan caj sewaan yang berpatutan.

7. TERMA DAN SYARAT KEPADA PENGUSAHA

- 7.1 Usahawan RisSMart mestilah menjalankan perniagaan produk sendiri, produk usahawan lain atau lain-lain produk yang dibenarkan serta diluluskan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan.
- 7.2 Produk Halal dan tidak menyalahi undang-undang.

8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

8.1 Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU)

- 8.1.1 Menyediakan dasar,peraturan dan prosedur pelaksanaan RisSMart
- 8.1.2 Merancang lokasi RisSMart yang strategik bersama Pengarah RISDA Negeri (PRN)
- 8.1.3 Mengurus dan menyelaras pembinaan/ pembelian RisSMart bersama Bahagian Khidmat Kejuruteraan (BKJ) / Bahagian Pentadbiran (BP) dan PRN
- 8.1.4 Mengenalpasti usahawan dan produk untuk RisSMart bersama PRN
- 8.1.5 Menguruskan deraf perjanjian antara RISDA dan Usahawan RisSMart
- 8.1.6 Menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) RisSMart
- 8.1.7 Memantau prestasi laporan hasil jualan produk usahawan RisSMart
- 8.1.8 Menyediakan analisis dan kajian impak pelaksanaan RisSMart
- 8.1.9 Membayar Cukai Tanah dan Cukai Pintu RisSMart
- 8.1.10 Membayar deposit utiliti bagi perkhidmatan telefon,bekalan elektrik,air serta pemasangan meter.
- 8.1.11 Membekalkan Buku Rekod Urusniaga kepada usahawa RisSMart.

8.2 Bahagian Khidmat Kejuruteraan (BKJ)

8.2.1 Menyediakan pelan dan *layout* bangunan RisSmart

8.2.2 Memantau pembinaan sehingga serah tapak

8.2.3 Menguruskan penyenggaraan bangunan

8.3 Bahagian Kewangan & Belanjawan (BKB)

8.3.1 Melantik Kontraktor mengikut peraturan dan prosedur RISDA

8.4 Bahagian Pentadbiran (BP)

8.4.1 Menguruskan pembelian bangunan untuk dijadikan RisSMart

8.5 Pegawai Undang-Undang (PUU)

8.5.1 Menyemak dan menambahbaik deraf perjanjian antara RISDA dan usahawan RisSMart

8.5.2 Menasihati apa sahaja mengenai pentadbiran, operasi dan pelaksanaan RisSMart

8.6 Pengarah RISDA Negeri (PRN)/Syarikat Milikan RISDA(SMR)

8.6.1 Mengenalpasti cadangan lokasi RisSMart yang strategik

8.6.2 Membuat kajian viability bagi cadangan pelaksanaan RisSMart

- 8.6.3 Mengenalpasti usahawan dan produk yang sesuai dan berpotensi dipasarkan
- 8.6.4 Menyediakan kertas kerja cadangan lokasi RisSMart yang dicadangkan
- 8.6.5 Menguruskan segala urusan berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 8.6.6 Membuat pemantauan operasi RisSMart secara berjadual
- 8.6.7 Menyediakan laporan operasi dan pendapatan bulanan
- 8.6.8 Menyediakan senarai inventori aset dan peralatan di RisSMart seperti **Lampiran 3**
- 8.6.9 Mengemukakan isu dan masalah berkaitan pengoperasian RisSMart
- 8.6.10 Mencadangkan sebarang penambahbaikan dalam pengoperasian RisSMart

8.7 Usahawan RisMart

- 8.7.1 Mengendalikan sendiri perniagaan di RisSMart dengan memulakan perniagaan pada waktu yang ditetapkan pada tiap-tiap hari **KECUALI** hari Pelepasan Am yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.
- 8.7.2 Mematuhi peraturan dan arahan mengikut perjanjian yang ditandatangani

- 8.7.3 Membenarkan RISDA membuat pemeriksaan dan semakan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
- 8.7.4 Membayar segala caj bagi bekalan elektrik, air dan perkhidmatan telefon di premis masing-masing
- 8.7.5 Menguruskan produk sendiri dan mendapatkan produk daripada usahawan yang berdaftar dengan RISDA dan lain-lain produk yang dibenarkan oleh Pengarah Program
- 8.7.6 Menguruskan segala pembayaran terus kepada pembekal produk
- 8.7.7 Memastikan kebersihan, membaikikerosakan kecil dan penyelenggaraan premis dengan menggantikannya dari masa ke semasa.
- 8.7.8 Menanggung sebarang kos yang terlibat dengan pematuhan perniagaan termasuk lesen dan permit perniagaan
- 8.7.9 Membuat dan mengemaskini rekod urusan perniagaan bagi tujuan pemantauan prestasi
- 8.7.10 Menjelaskan sewa premis sepertimana yang ditetapkan sebelum 10hb berikutnya.

9. KEY PERFORMANCE INDEKS (KPI) PELAKSANAAN RisSMart

KERJA	TEMPOH	TANGGUNGJAWAB
Pembinaan atau pembelian bangunan sehingga serah tapak	5 bulan	BKJ/BP/PRN/BPU
Mula operasi selepas serah tapak	1 bulan	BPU/PRN
Kenalpasti usahawan dan produk	2 bulan sebelum jangkaan tarikh mula operasi	PRN
Laporan jualan dan Pendapatan	Sebelum 10hb bulan berikutnya	PRN
Penguatkuasaan hari jualan	Sekurang-kurangnya 20 hari sebulan	BPU/PRN

10. LAPORAN DAN PEMANTAUAN

- 10.1 PRN perlu melaporkan jualan dan pendapatan usahawan dan usahawan RisSMart ke BPU sebelum 10hb bulan berikutnya. Format laporan adalah seperti Laporan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dengan sedikit pindaan seperti **Lampiran 4**
- 10.2 Sekiranya terdapat sebarang isu atau masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan RisSMart, PRN mestilah melaporkan dengan segera kepada BPU untuk tindakan selanjutnya.
- 10.3 Prestasi kemajuan RisSMart ini akan dibuat kajian impak keberkesanan bagi menangani isu dan masalah yang timbul seterusnya mengkaji kesesuaian cadangan penambahbaikan yang sesuai.

11. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN YANG BERUBAH

Berikut adalah syarat-syarat dan peraturan bagi sebarang perubahan berkaitan projek yang telah diluluskan:

- 11.1 PRN dikehendaki melaporkan dengan segera ke BPU untuk membuat sebarang perubahan bilangan usahawan, operasi, skop, kos atau belanjawan projek bagi tujuan mendapatkan kelulusan baru daripada Pengurusan RISDA
- 11.2 PRN perlu menggantikan usahawan asal projek dengan usahawan baru yang berkelayakan jika usahawan asal mempunyai masalah seperti telah berpindah negeri, meninggal dunia, tidak berminat lagi, tidak dapat dikesan atau tidak layak. Penggantian usahawan projek perlu dilaporkan ke BPU dengan segera dengan memaklumkan maklumat usahawan-usahawan yang terlibat dengan perubahan tersebut
- 11.3 Usahawan baru yang digantikan mengikut syarat yang ditetapkan secara langsung akan bertanggungjawab ke atas Aset, Premis, Mesin dan Peralatan di bawah bantuan RISDA.
- 11.4 PRN hendaklah melaporkan dengan segera kepada BPU dan Pengurusan RISDA mengenai sebarang projek yang gagal atau ditamatkan operasi.
- 11.5 Sebarang dokumen yang dikemukakan berkaitan maklumat permohonan, perubahan atau makluman mengenai projek/ usahawan perlu di email ke BPU bagi tujuan memepercepatkan proses pertimbangan dan kelulusan Pengurusan RISDA.

12. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan RISDA Smallholders Mart (RisSMart) bagi tahun 2015 ini berkuatkuasa serta merta mulai dari tarikh surat Arahan Ketua Pengarah dikeluarkan. Garis panduan ini adalah digunapakai sehingga terdapat garis panduan yang baharu dikeluarkan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN



LAMPIRAN 1(A)

CONTOH PAPANTANDA ATAS BUMBUNG :



SPESIFIKASI :

- **WARNA LATARBELAKANG** : **MERAH**
- **WARNA PERKATAAN** : **YELLOW**
- **UKURAN PAPANTANDA**
 - **LEBAR** : **4200 MM (14' 00')**
 - **TINGGI** : **1200 MM (04' 00")**

LAMPIRAN 1(B)

CONTOH PAPANTANDA TEPI JALAN :



LAMPIRAN 2

**PERJANJIAN
PESERTA PROGRAM RisSMart RISDA**

PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan2015

DI ANTARA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (AKTA 85) dan beralamat di Ibu Pejabat RISDA, Karung Berkunci 11067, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai “**RISDA**”).

DAN

Pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di Bahagian 1, Jadual Pertama Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta**”).

BAHAWASANYA:

- A. RISDA adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam memastikan sektor pekebun kecil dapat dimodenkan dari segala aspek bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

- B. RISDA adalah tuan punya berdaftar tanah dan bangunan Kompleks Perniagaan seperti yang dinyatakan di Bahagian 2, Jadual Pertama Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai “**Bangunan tersebut**”).
- C. Program RisSMart merupakan satu (1) program yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, RISDA (selepas ini dirujuk sebagai “**Pengarah Program**”) bagi membantu peserta program ini menjalankan perusahaan dan/atau perniagaan dalam Bangunan tersebut.
- D. Peserta adalah pekebun kecil, warganegara Malaysia yang menjalankan suatu perusahaan dan/atau perniagaan yang didaftarkan dan menyertai Program RisSMart yang dilaksanakan oleh Pengarah Program.
- E. RISDA telah, melalui Surat Tawaran seperti yang dinyatakan di Bahagian 3 Jadual Pertama Perjanjian ini, bersetuju memberi kebenaran kepada Peserta untuk menduduki premis seperti yang dinyatakan di Bahagian 4, Jadual Pertama Perjanjian ini berserta dengan barang-barang, dan/atau alat-alat kelengkapan seperti yang dinyatakan di Jadual Kedua Perjanjian ini (jika ada) (selepas ini dirujuk sebagai “**Premis tersebut**”) serta menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh RISDA untuk kegunaan bersama oleh Peserta dan Peserta lain di Bangunan tersebut bagi menjalankan perniagaan sebagaimana yang dinyatakan di Bahagian 5, Jadual Pertama Perjanjian ini mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh RISDA.

MAKA KEDUA-DUA PIHAK DENGAN INI BERSETUJU seperti berikut :

1.0 TAFSIRAN

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain, maka ditetapkan maksud seperti berikut:-

- i. “**Pengarah Program**” bermaksud Bahagian Pembangunan Usahawan, RISDA yang melaksanakan Program RisSMart.

- ii. **“Peserta”** bermaksud pekebun kecil, warganegara Malaysia yang menjalankan suatu perusahaan dan/atau perniagaan yang didaftarkan dan menyertai Program RisSMart yang dilaksanakan oleh Pengarah Program.
- iii. **“Program RisSMart”** bermaksud suatu program di mana bantuan diberikan oleh RISDA kepada Peserta dalam bentuk kebenaran menggunakan Premis tersebut untuk tujuan perniagaan.
- iv. **“Bangunan tersebut”** bermaksud tanah dan bangunan Kompleks Perniagaan seperti yang dinyatakan di Bahagian 2, Jadual Pertama Perjanjian ini.
- v. **“Premis tersebut”** bermaksud premis seperti yang dinyatakan di Bahagian 4, Jadual Pertama Perjanjian ini berserta dengan barang-barang, dan/atau alat-alat kelengkapan seperti yang dinyatakan di Jadual Kedua Perjanjian ini.
- vi. **“Waktu Perniagaan”** bermaksud dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam pada tiap-tiap hari dalam seminggu kecuali hari kelepasan am yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri di mana Premis tersebut berada.

2.0 TEMPOH PERJANJIAN

Perjanjian ini berkuatkuasa selama tempoh **SATU (1) tahun** mulai tarikh Perjanjian ini ditandatangani.

3.0 TANGGUNGJAWAB RISDA

- 3.1 Membenarkan Peserta selagi Peserta mematuhi semua perkara yang terkandung dalam Perjanjian ini, menduduki dan menikmati penggunaan Premis tersebut dalam tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa tanpa gangguan dari RISDA atau wakilnya.
- 3.2 Akan membayar cukai tanah dan cukai pintu tahunan, kadar atau taksiran masa kini dan masa depan yang dikenakan ke atas Premis tersebut kecuali yang telah disyaratkan di dalam Perjanjian ini sebagai tanggungan Peserta.
- 3.3 Membersih dan menjaga taman, halaman, jalan dan tanah serta bahagian-bahagian umum Bangunan tersebut yang dinikmati atau digunakan oleh Peserta bersama dengan lain-lain Peserta di Bangunan tersebut dalam keadaan baik.
- 3.4 Akan membayar deposit utiliti bagi perkhidmatan telefon, bekalan elektrik dan air serta pemasangan meter bagi utiliti tersebut.

4.0 TANGGUNGJAWAB PESERTA

- 4.1 Bersetuju menyertai Program RisSMart yang dilaksanakan oleh Pengarah Program dan akan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh RISDA berkaitan Program RisSMart.
- 4.2 Akan membayar segera segala caj utiliti bagi bekalan elektrik, air dan perkhidmatan telefon di Premis tersebut dan/atau mengikut akaun yang diserahkan kepada Peserta.
- 4.3 Akan setiap masa memastikan keselamatan premis tersebut dan menjaga kebersihan dan struktur Premis tersebut termasuk pintu, tingkap, lampu-

lampu, dinding, lantai, siling dan tandas supaya berada dalam keadaan baik (kecuali susutan biasa).

- 4.4 Memulakan dan menjalankan perniagaan selewat-lewatnya pada..... melainkan jika mendapat persetujuan bertulis dari RISDA agar perniagaan tersebut dimulakan dan dijalankan pada suatu tarikh yang lain.
- 4.5 Sentiasa mengendalikan sendiri perusahaan dan/atau perniagaan di Premis tersebut pada Waktu Perniagaan kecuali apabila terpaksa meninggalkan perniagaan di Premis tersebut diatas urusan berkaitan dengan perniagaan dan akan sentiasa membuka perniagaannya mengikut Waktu Perniagaan dengan syarat bahawa Peserta akan memastikan perusahaan dan/atau perniagaan di Premis tersebut masih akan dibuka dan pelanggan akan dilayan oleh kakitangan Peserta semasa ketiadaannya.
- 4.6 Tidak akan membuat sebarang pertukaran entiti perusahaan dan/atau perniagaan atau menyerahkan, memberi sewa kecil, memajak, melepaskan pemilikan Premis tersebut atau mana-mana bahagiannya tanpa persetujuan bertulis daripada RISDA, dan kegagalan Peserta mematuhi klausa ini adalah satu keingkaran nyata dan Perjanjian ini secara automatik adalah ditamatkan.
- 4.7 Tidak akan membuat sebarang pengubahsuaian kepada Premis tersebut atau mana-mana bahagiannya tanpa persetujuan bertulis daripada RISDA.
- 4.8 Tidak akan membenarkan atau membiarkan Premis tersebut digunakan untuk tujuan yang bercanggah dan/atau bertentangan dengan hukum Islam, undang-undang, dan/atau peraturan, oleh mana-mana Pihak

Berkuasa berkenaan dan/atau mengganggu ketenteraman dan/atau keselesaan dan/atau melakukan perkara yang boleh menyebabkan kerosakan atau kemusnahan kepada harta benda RISDA, lain-lain Peserta di Bangunan tersebut dan/atau penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan Bangunan tersebut atau menggunakan Premis tersebut untuk lain-lain tujuan selain yang dinyatakan di Bahagian 5 Jadual Pertama Perjanjian ini.

- 4.9 Tidak membenarkan atau membiarkan sesiapa sahaja yang tidak disenangi atau dipersetujui oleh RISDA berada di dalam Premis tersebut atau kawasan sekitarnya yang mana keputusan RISDA mengenai mana-mana orang atau pihak yang tidak disenangi atau dipersetujui itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan.
- 4.10 Tidak akan menduduki atau membenarkan kakitangannya menduduki Premis tersebut di luar Waktu Perniagaan kecuali diatas urusan berkaitan dengan perniagaan.
- 4.11 Tidak akan memasang, melekat, menampal, mengecat, meletak atau dengan apa-apa cara memperlihat, mempamer atau mengadakan sebarang poster, iklan, pelekat nama, papan tanda, papan kenyataan, pemberitahuan atau apa-apa jenis promosi dan/atau hebahan sekalipun di tingkap, pintu, dinding atau mana-mana bahagian di dalam atau di luar Premis tersebut dan di kawasan sekitarnya kecuali dengan persetujuan dan kelulusan bertulis dari RISDA.
- 4.12 Peserta akan menanggal, mengubah, dan/atau membuang mana-mana pameran, hebahan, kenyataan, promosi atau barang dagangan serta-merta setelah menerima notis dari RISDA, yang menyatakan pameran, hebahan, kenyataan, promosi atau barang dagangan berkaitan pada pandangan RISDA akan merosakkan nama baik, kedudukan, dan/atau

imej RISDA dan/atau Premis tersebut. Sekiranya Peserta gagal menanggal/mengubah dan/atau membuang pameran, hebahan, kenyataan, promosi atau barang dagangan berkaitan, maka RISDA berhak menanggalkan atau mengubahnya dan segala kos serta perbelanjaan yang timbul menjadi hutang yang kena dibayar oleh Peserta dan boleh dituntut oleh RISDA dari Peserta.

- 4.13 Akan sentiasa berusaha meningkatkan tahap kemajuan perusahaan dan/atau perniagaan termasuk bersetuju untuk mengikuti sebarang kursus dan/atau program peningkatan keusahawanan yang disarankan oleh RISDA dan membayar sebarang yuran yang dikenakan untuk kursus tersebut. Walau apapun peruntukan lain dalam Perjanjian ini, RISDA berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis -selama **TIGA PULUH (30) hari** kepada Peserta jika Peserta tidak menunjukkan peningkatan tahap kemajuan perusahaan dan/atau perniagaan yang memuaskan RISDA atau enggan mengikuti kursus dan/atau program peningkatan keusahawanan yang disarankan oleh RISDA tanpa sebab-sebab yang munasabah.
- 4.14 Akan membenarkan RISDA, melalui pegawainya, menjalankan pemeriksaan akaun untuk tujuan kerja rasmi RISDA dan pemantauan kemajuan perusahaan dan/atau perniagaan Peserta.
- 4.15 Akan membenarkan RISDA dan pekerja-pekerja yang telah diberi kuasa olehnya, pada bila-bila masa, untuk membuat pemeriksaan fizikal ke atas Premis tersebut dan jika sebarang pembaikan/pengubahsuaian perlu dibuat ke atas Premis tersebut dan/atau RISDA berpendapat Bangunan tersebut di dalam keadaan tidak sesuai untuk diduduki, RISDA boleh memberi notis bertulis selama **TUJUH (7) hari** kepada Peserta untuk mengosongkan Premis tersebut. Keputusan RISDA dalam perkara ini adalah muktamad RISDA tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang

kos pemindahan atau lain-lain kerugian berbangkit dari perkara yang ditanggung oleh Peserta atau mana-mana pihak ketiga.

- 4.16 Akan menyerahkan Premis tersebut dengan aman dan di dalam keadaan baik kepada RISDA apabila tempoh Perjanjian ini tamat atau ditamatkan mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini dan akan membaikpulih Premis tersebut kepada keadaan asal dan perkakas-perkakas serta perabot-perabot kepunyaan Peserta hendaklah dipindahkan atas perbelanjaan Peserta sendiri dan Peserta akan membayar ganti rugi kepada RISDA atas sebarang kerosakan yang berlaku akibat dari pemindahan tersebut.

5.0 PENEPIAN HAK

- 5.1 Kegagalan RISDA mengambil tindakan serta-merta apabila berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini oleh Peserta tidak boleh disifatkan sebagai pengecualian atau persetujuan terhadap pelanggaran tersebut dan RISDA boleh, pada bila-bila masa kemudiannya, menggunakan semua atau mana-mana remedi yang berbangkit dari pelanggaran itu dan kegagalan RISDA untuk mengambil tindakan tersebut tidak akan menjejaskan haknya untuk mengambil tindakan terhadap Peserta yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini.

6.0 INDEMNITI

- 6.1 RISDA tidak bertanggungjawab kepada Peserta atau sesiapa pun terhadap sebarang kerugian perusahaan dan/atau perniagaan yang

disebabkan oleh kegagalan RISDA untuk melaksanakan tanggungjawabnya seperti di Klausu 3.0.

- 6.2 RISDA tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kerosakan kehilangan nyawa dan/atau harta benda dan/atau kecederaan yang menimpa ke atas Peserta, wakilnya, pekerjaanya, kakitangannya, pelawat atau mana-mana pihak ketiga sama ada yang berlaku di Premis tersebut atau di kawasan sekitar-Bangunan tersebut.
- 6.3 Peserta akan menanggung kerugian RISDA sepenuhnya daripada sebarang tuntutan, tindakan , prosiding undang-undang, denda, penalti serta apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan ke atas RISDA oleh Mahkamah, Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak ketiga akibat daripada kerugian atau kecederaan atau kerosakan barang atau gangguan keselesaan dan ketenteraman yang disebabkan oleh Peserta sepanjang Tempoh Perjanjian ini.

7.0 PENAMATAN PERJANJIAN

- 7.1 Kedua-dua pihak berhak, selepas memberi notis bertulis selama **SEMBILAN PULUH (90) hari** kepada pihak yang satu lagi, menamatkan Perjanjian ini jika berlaku apa-apa keadaan termasuk berlakunya apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- 7.2 Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini, RISDA boleh, pada bila-bila masa, memberi notis **ENAM PULUH (60) hari** untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa memberi apa-apa alasan kepada Peserta.

- 7.3 Sekiranya Tempoh Perjanjian ini telah tamat/ditamatkan tetapi Peserta enggan menyerahkan pemilikan kosong Premis tersebut, maka RISDA berhak, atas budibicara mutlaknyanya, memasuki Premis tersebut tanpa liabiliti terhadap apa-apa kerugian dan/atau kerosakan dan RISDA berhak mengeluarkan, memindah, melelong, dan/atau menjual barang-barang yang terdapat dalam Premis tersebut dan hasil lelongan atau jualan tersebut, selepas ditolak kos bagi proses melelong, memindah dan hutang Peserta, (jika ada), akan dikembalikan kepada Peserta.
- 7.4 Sekiranya Peserta atau syarikat milik Peserta diisytiharkan sebagai mufliis maka RISDA adalah berhak, pada bila-bila masa kemudiannya, menyifatkan Perjanjian ini adalah ditamatkan.

8.0 TEMPOH LANJUTAN / PEMBAHARUAN PERJANJIAN

- 8.1 Sekiranya Peserta berhasrat untuk menyambung Perjanjian ini selama satu tempoh lagi apabila tamat tempoh yang diberikan, Peserta hendaklah memberi notis bertulis kepada RISDA berkenaan hasratnya tersebut tidak kurang dari **SEMBILAN PULUH (90) hari** sebelum tarikh tamat Tempoh Perjanjian ini, dan jika Peserta telah patuh kepada syarat-syarat Perjanjian ini hingga ke tarikh tamat Tempoh Perjanjian tersebut, maka RISDA boleh, atas budi bicara mutlaknyanya, memberikan kebenaran kepada Peserta menggunakan Premis tersebut untuk tempoh **ENAM (6) bulan** sahaja lagi.

9.0 FORCE MAJEURE

- 9.1 Kedua-dua pihak adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, kelewatan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini jika tindakan, kelewatan atau kegagalan itu timbul disebabkan oleh keadaan di bawah "*Force Majeure*" seperti rusuhan, kekacauan awam, kebakaran, banjir,

peperangan dan sebab-sebab lain yang seumpamanya yang tidak dapat dikawal oleh kedua-dua pihak.

- 9.2 Sekiranya “*Force Majeure*” berlaku, pelaksanaan Perjanjian ini hendaklah ditangguhkan setakat mana tempoh berlakunya “*force Majeure*” atau Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.

10.0 PINDAAN – PINDAAN

Apa-apa pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah di buat secara bertulis dan dibaca bersama dan akan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini

11.0 UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

12.0 TIMBANG TARA

Apa-apa pertikaian diantara RISDA dan Peserta mengenai tafsiran, pengertian atau penguatkuasaan Perjanjian ini, atau hak dan tanggungjawab pihak-pihak didalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah diselesaikan secara rundingan oleh kedua-dua belah pihak. Sekiranya Peserta dan RISDA gagal untuk mencapai persetujuan setelah membuat rundingan tersebut, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah RISDA.

13.0 PERJANJIAN MENGIKAT

13.1 Perjanjian ini juga mengikat pengganti-pengganti, penerima serahk, wasi, pentadbir harta dan wakil sah di sisi undang-undang bagi kedua-dua pihak.

14.0 NOTIS

14.1 Semua notis tuntutan atau apa-apa komunikasi hendaklah dibuat secara bertulis melalui cara-cara berikut :-

14.1.1 Dihantar secara pos yang telah dibayar terlebih dahulu (A.R Registered / Surat Berdaftar); atau

14.1.2 Dihantar secara penyampaian ke diri dan bukti penyampaian ke diri hendaklah dicatat oleh penyampai notis atau tuntutan atau apa-apa komunikasi tersebut.

15.0 DUTI SETEM

Bayaran duti setem dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan dengan penyediaan Perjanjian ini akan ditanggung oleh RISDA.

(KLAUSA TAMAT)

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT di atas maka pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:

.....)
Nama)
Pengarah RISDA Negeri)
untuk dan bagi pihak RISDA)

dengan disaksikan oleh :

.....)
Nama)
No. Kad Pengenalan)

Ditandatangani oleh:

.....)
Nama)
No. Kad Pengenalan)

dengan disaksikan oleh :

.....)
Nama)
No. Kad Pengenalan)

JADUAL PERTAMA

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini)

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1	Peserta/Alamat	Nama : No. Kad Pengenalan : Alamat :
2	Nama Bangunan / Alamat Bangunan	Alamat :
3	Surat Tawaran	Bil. () dlm. Tarikh :
4	Premis Dan Keluasan	No. Premis : Keluasan :
5	Kegunaan Premis	

JADUAL KEDUA

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian dari Perjanjian ini)

Senarai barang-barang, alat-alat kelengkapan yang terlibat :-

BIL	ALAT/BARANG	KUANTITI

LAMPIRAN 3

SENARAI INVENTORI ASET DAN PERALATAN DI RisSMart

BIL	NO. INVENTORI	PERIHAL INVENTORI	TARIKH PEROLEHAN	HARGA PEROLEHAN ASAL (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

RUJUKAN :

- **NO.INVENTORI : RisSMart(kodPT)/(tahun perolehan)/(Bilangan)**

LAMPIRAN 4

RisSMart 01

**KEMAJUAN PELAKSANAAN RISDA SMALLHOLDERS MART (RisSMart)
SETAKAT TAHUN**

**PUSAT TANGGUNGJAWAB :
NEGERI :**

USAHAWAN TUNJANG					TARIKH OPERASI	JUMLAH JUALAN BULANAN	
BIL	NAMA	NO.KP	NO.TELEFON	PRODUK		KUANTITI	RM
1							
2							
3							

Disediakan Oleh :

.....
(Penyelaras Usahawan RisSMart)

Disahkan Oleh

.....
(Pengarah RISDA Negeri)